



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERSATUAN NELAYAN BELURAN TERIMA DANA RM528,000 UNTUK PEJABAT, NASIONAL, SH -20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	JOHOR BENAR AKTIVITI KORBAN DI MASJID, SURAU, NASIONAL, BH -6 PERMINTAAN LEMBU UNTUK IBADAH KORBAN DI SELANGOR MENINGKAT, NEGERI SELANGOR, SH -24 IBADAH KORBAN BOLEH BUAT DI MASJID, SURAU, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	MAQIS RAMPAS SAYUR, IKAN TANPA PERMIT DARI INDONESIA, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27.	AYAM SEGAR, DAGING IMPORT DI IBU NEGARA MENCUKUPI, NASIONAL, BH -6 TAK PERNAH KURANG BEKALAN DARI INDIA, NASIONAL, BH -6 5 LANGKAH JAMIN SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -5 PANTAU OPERASI KOLAM UDANG HARAM, NEGERI PERAK, SH -24 JANA RM2,000 SEBULAN HASIL JUALAN POKOK EKSOTIK, NEGARA, KOSMO -16 3000 PEOPLE TAKE PART IN BALIK PULAU DURIAN CARNIVAL IN 3 DAYS, CHINA PRESS (NORTHERN) -ONLINE BANTUAN PERTANIAN PERLU UNTUK KECUKUPAN MAKANAN NEGARA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE SALAD, ULAM DAN QATAR, LOKAL, HM -10 & 11 KERBAU 'PINK' JADI RAKAN KARIB, LOKAL, HM -9 PEMBEKAL BERBEZA, HARGA PUN BERLAINAN, LOKAL, HM -8 AYAM NAIK HARGA, JANGAN SALAHKAN PENTERNAK SEPENUHNYA, DALAM NEGERI, UM -30 BALU NELAYAN TERIMA PENCEN SUAMI, DALAM NEGERI, UM -32 NAIK MOTOSIKAL SERTA KURSUS DARI JOHOR KE N.SEMBILAN, NEGARA, KOSMO -18 2 KERBAU ALBINO JADI RAKAN KARIB, NASIONAL, BH -18 MUSANG KING, DURI HITAM JADI BURUAN, NEGERI P.PINANG, SH -28 SEDIAKAN LEBIH 1.5 TAN DURIAN SETIAH HARI, NEGERI KEDAH, SH -28 PM: GLC PASTIKAN PENGELUARAN MAKANAN NEGARA CUKUP, DALAM NEGERI, UM -3 ANGKASA SASAR 100 KOPERASI TERLIBAT TERNAKAN AYAM, BISNES, SH -30 SASAR 100 KOPERASI KELUARKAN 30 JUTA AYAM DAGING SETAHUN, BISNES, HM -22 SEVERE WATER RISK, MUKA DEPAN, THE SUN -1 AGRI BASED POLICY NEEDED TO PROVIDE AIS TO FARMERS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -13 ANGKASA HATCHING 100 CO OPS FOR POULTRY FARMING, SUNBIZ, THE SUN -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Persatuan Nelayan Beluran terima dana RM528,000 untuk pejabat

BELURAN - Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Beluran menerima peruntukan sebanyak RM528,000 bagi membeli sebuah bangunan kedai untuk dijadikan pejabat persatuan itu di sini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kementerian menyalurkan peruntukan itu sebagai antara usaha kerajaan untuk memastikan bekalan makanan dari sektor perikanan terus terjamin.

"Ini merupakan langkah dan tindakan yang diambil kementerian agar nelayan melalui PNK akan terus berfungsi dan akan menjadi penghubung kepada kerajaan.

"Sektor perikanan mampu untuk bergerak ke arah tahap sara diri sebanyak 100 peratus dan pelbagai program serta pendekatan sektor ini terus dibangunkan agar negara tidak bergantung kepada bekalan import," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) PNK Beluran di sini pada Isnin.

Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata, seramai 619 ahli PNK Beluran menerima ESHN melibatkan peruntukan sebanyak RM176,000 pada majlis itu.

Menurutnya, di Sabah, sebanyak RM22 juta disalurkan pada tahun ini bagi tujuan bantuan ESHN kepada 7,671 nelayan. - Bernama

Johor benar aktiviti korban di masjid, surau

Johor Bahru: Kerajaan Johor membenarkan aktiviti korban sempena Aidiladha tahun ini dilaksanakan di masjid dan surau terpilih.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Mohd Fared Mohd Khalid, berkata 64 masjid dan 68 surau seluruh Johor sudah mendapat permit sebagai pusat aktiviti penyembelihan yang lengkap pada sambutan Aidiladha kali ini.

Ia mendapat perkenan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar sebagaimana peruntukan Fasal 57 (A) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1985 dan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2008.

"Masjid dan surau yang tiada permit penyembelihan dan mahu membuat ibadah itu, boleh memohon dengan pejabat kadi dan dirujuk dengan Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang akan melihat kesesuaian lokasi sebelum membuat keputusan.

"Mengikut peraturan, masjid dan surau yang tiada permit serta kebenaran hanya dibenar sebagai lokasi melapah ternakan korban dan membungkus serta mengedar daging. Sekiranya tidak dibenarkan, jangan buat sembelihan di kawasan terabit.

"Jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda hingga RM10,000 dan peralatan serta daging sembelihan dirampas mengikut Seksyen 51 Kaedah-Kaedah Bina-natang Kawalan Penyembelihan 2009," katanya pada sidang media semalam.

Beliau berkata, penyembelihan juga boleh dilaksanakan di 153 rumah penyembelihan berdaftar JPV seluruh negeri ini.

Tahun lalu, Johor hanya membenarkan ibadah korban di rumah penyembelihan berdaftar dengan JPV berikutan pandemik COVID-19 membatalkan kira-kira 6,000 lembu.

64 masjid dan 68 surau seluruh Johor sudah mendapat permit sebagai pusat aktiviti penyembelihan lengkap pada Aidiladha kali ini

Mohd Fared Mohd Khalid,
Pengerusi
Jawatankuasa Hal
Ehwal Agama Islam
Johor



Ayam segar, daging import di ibu negara mencukupi

Pelanggan tetap beli walaupun terpaksa bayar harga lebih tinggi

Oleh **Azhaf Shahrudin**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekalan ayam segar dan daging import dari India di pasar sekitar ibu negara didapati boleh menampung keperluan serta permintaan semasa, namun berlaku kenaikan harga yang didakwa mempunyai kaitan dengan pembekal.

Tinjauan *BH* mendapati bekalan ayam segar dan daging import masih banyak serta mencukupi, manakala pelanggan tetap membeli mengikut keperluan walaupun perlu membayar pada harga lebih tinggi.

Peniaga ayam di pasar Chow Kit, Edi Putra, 26, berkata ayam di gerainya dijual RM11 sekilogram semalam dan RM10 pada Sabtu lalu, melepasi harga siling RM8.90 ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP).

"Nak buat macam mana sebab sejak Aidilfitri lalu memang harga ayam semakin naik.

"Sebagai penjual, kami tiada kuasa mengawal harga sebab dapat bekalan daripada pembekal. "Hari ini (semalam) saya dapat bekalan 80 ayam dan 40 ayam tua, manakala bilangan yang dapat dijual bergantung kepada kunjungan pelanggan.

"Biasanya Selasa sehingga Jumaat jualan agak kurang, tetapi kalau Sabtu dan Ahad memang bekalan habis," katanya.



Adi memotong daging dipesan pelanggan ketika tinjauan di Pasar Chow Kit, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Peniaga daging di pasar sama, Adi Sarudi, 49, berkata daging import dari India dijual RM21 setiap kg manakala daging cincang RM17 satu kg.

"Sebelum ini harga tertinggi bagi daging import ialah RM21 satu kg tetapi ia kini sudah menjadi harga harian.

"Setakat ini, bekalan daging import masih konsisten dan hari ini (semalam) saya menerima dua kotak daging import," katanya di sini, semalam.

Peniaga ikan, Lim Yu, berkata harga jualannya bergantung kepada hasil tangkapan nelayan.

"Jika hasil tangkapan sedikit, mahal sikit harganya tetapi kalau bekalan banyak, kita boleh jual murah.

"Saya pastikan bekalan dihabiskan pada hari sama untuk mengekalkan kesegaran ikan, tak boleh bawa ke hari berikutnya," katanya.



Edi terpaksa jual ayam segar melebihi harga siling RM8.90 sekilogram.

Tak pernah kurang bekalan dari India

Kuala Lumpur: Pasaran tempatan tidak mengalami pengurangan bekalan daging dari India seperti didakwa peniaga pasar tempatan di sebuah negeri.

Wakil sebuah syarikat pengeksport daging dari India yang menghubungi *BH* berkata, Malaysia tidak pernah mengalami kekurangan bekalan daging import dari India walaupun ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan COVID-19.

Beliau menjelaskan, antara 10 tan hingga 12 tan daging dibawa

masuk ke Malaysia setiap bulan dan hanya berkurangan pada waktu tertentu seperti ketika Aidiladha.

"Bekalan dalam pasaran seperti biasa dan sebagai pengeksport, kami tidak menerima laporan kekurangan bekalan seperti didakwa.

"Daging dari India sentiasa mencukupi dan jumlahnya ditingkatkan ketika cuti sekolah atau musim perayaan kecuali Aidiladha. Permintaan sentiasa ada manakala bekalan konsisten sepanjang tahun.

"Kekurangan daging perkara besar kerana membatalkan isu pengguna dan kami tidak mahu ia berlaku kerana merugikan semua pihak," katanya, semalam.

Kelmarin, *BH* melaporkan bekalan daging import di sekitar Johor Bahru didakwa mengalami masalah, selain harga melambung.

Harga daging import India dilaporkan RM17 sekilogram berbanding antara RM13 hingga RM14 sebelum ini.

Mengulas mengenai kenaikan harga, beliau berkata perkara itu

kurang tepat kerana kenaikan daging biasanya hanya sekitar lima peratus atau bawah 10 peratus.

"Ada yang mendakwa harga daging import naik antara RM3 hingga RM5 dan angka ini amat besar iaitu menghampiri 30 peratus.

"Kadar kenaikan daging import biasanya beberapa sen sahaja. Daging import dari India paling murah dijual sekitar RM13 sekilogram dan mahal antara RM25 hingga RM26 iaitu bahagian tenderioin," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

5 langkah jamin sekuriti makanan

- Perkenal harga siling bergerak yang berubah kepada faktor harga input

- Kerjasama Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri untuk tingkat keluasan tanah pertanian

- Ekosistem agromakanan diperluaskan dengan rangkaian bekalan diterajui GLC, GLIC dan agensi kerajaan

- Tingkat kerjasama awam, swasta dengan memfokuskan usaha modenisasi dan menggalakkan pertanian pintar bagi meningkatkan hasil pertanian

- Menggalakkan ladang kontrak untuk memadan pengeluaran hasil pertanian dengan permintaan pasaran

Nasional 5



5 langkah jamin sekuriti makanan

EAC setuju perkenal harga siling bergantung faktor harga input

Oleh Farah Marshita Abdul Patzah dan Muhammad Yusri Muzamir
bhtnews@oh.com.my

Kuala Lumpur: Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) di-pengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam memutuskan lima langkah diambil bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Isma Sabri berkata, mesyuarat bersejua mengperkenalkan harga siling bergantung kepada faktor harga input, seiring dengan perancangan bantuan terus bersasar kepada golongan memerlukan seperti diumumkan sebelum ini.

Ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) September lalu, Ismail Sabri memberi jaminan bantuan bersasar seperti pemberian wang tunai dan perlindungan sosial akan diteruskan bagi membantu meningkatkan pendapatan dan menangani kerosakan kos sara hidupan mudah terjejas.

Langkah kedua diputuskan EAC semalam, kata Perdana Menteri, adalah memperluas sistem agronomikan dengan ransangan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan agensi kerajaan.



Isma Sabri memimpin mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi di Kuala Lumpur, semalam.

"Koordinasi ini bagi memastikan kualiti, kuantiti dan pengeluaran hasil ke tahap optimum, selain bekalan terjamin. Sebagai contoh, bekalan dan harga ayam dapat dikawal sekiranya agensi kerajaan yang berkenaan terlibat dalam ekosistem industri penternakan.

"Ekosistem industri penternakan bermula daripada membekal anak ayam, makanan ternakan, pengangkutan, pemasaran dan sebagainya," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau juga memaklumkan, kerjasama di antara kerajaan Persekutuan dan negeri akan dipertingkatkan dalam usaha menambah keluasan tanah bagi kegiatan pertanian untuk mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

"Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam masa terdekat," katanya. Langkah ketiga, katanya, meningkatkan kerjasama awam dan swasta yang fokus terhadap usa-

ha modenisasi dan menggalakkan pertanian pintar dalam meningkatkan hasil pertanian yang akan disokong melalui usaha menyatukan tanah ladang, tanah terbiar dan tanah wakaf.

"Selanjutnya, memastikan hasil pertanian mempunyai pasaran seperti menggalakkan lelang dan kontrak di mana peladang dan petani tidak mempunyai masalah untuk memadankan pengeluaran hasil pertanian dengan permintaan pasaran," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga komited terhadap kajian yang berdaya maju dan berpotensi untuk dimajukan secara strategik dalam mendevelop cabaran global bagi menjamin ekosistem sekuriti makanan lebih inklusif dan menyeluruh demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, mesyuarat semalam turut membincangkan dua perkara utama lain, iaitu memudahkan urusan perniagaan di Malaysia dan menangani tenaga kerja mahir dalam sektor elektronik dan elektronik (E&E).

Perbincangan melibatkan pertimbangan oleh pihak Khazanah Research Institute (KRI), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Persatuan Industri Sempadan (PIS) dan Industri.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan melalui Pasukan Pertugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) akan terus berusaha untuk memodenkan peraturan berkaitan perniagaan bagi melonjak produktiviti dan daya saing negara.

"Mesyuarat bersejua untuk memperkukuhkan pelaksanaan MyMudah di semua kementerian, agensi Persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta persatuan perniagaan.

"Mesyuarat juga bersejua merencanakan lagi program uji kaji MyMudah dengan sasaran penyelesaian isu dalam tempoh 60 hari berbanding antara enam hingga 12 bulan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, temu duga pekerja asing akan dilaksanakan di

(Foto Ihsan PMO)

negeri berbanding hanya di pusat sehati (OSC) Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya, malah kerajaan akan memperkasakan OSC yang membabitkan semua kementerian dan agensi yang berkaitan dengan proses memasuki pekerja asing.

Seterusnya, bagi menangani isu kekurangan tenaga kerja mahir yang serius dalam sektor E&E, kerajaan secara dasarnya bersejua untuk melaksanakan program *Train & Place* untuk 1,000 jurutera dan 1,000 juruteknik.

Katanya, mekanisme pengendalian ekspatriat dan pekerja asing akan turut ditambah baik dan dipercepatkan.

"Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan menyelaras dengan Persatuan Industri Bemikonduktor Malaysia (MSIA) untuk se-

gera menangani isu kekurangan tenaga kerja ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ SELANGOR	24

Pantau operasi kolam udang haram

Kerajaan Perak akan cari kaedah menang-menang mengikut syarat

Oleh **NORMAWATI ADNAN BAGAN SERAI**

Kerajaan Perak akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantau pengoperasian kolam ternakan udang yang dikesan banyak diusahakan secara haram di negeri itu.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, berdasarkan penelitan yang dibuat, banyak kolam ternakan udang termasuk di daerah Kerian diusahakan secara haram sejak berpuluh tahun hingga menimbulkan konflik dan menjejaskan kelestarian alam.

"Bukan lagi satu rahsia umum bahawa banyak kolam ternakan udang di seluruh Perak ini ada yang diusahakan secara haram.

"Kerajaan negeri cuba mencari kaedah menang-menang untuk membenarkan perusahaan tersebut dijalankan mengikut syarat.

"Antaranya, dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang akan dipengerusikan bersama Pejabat Tanah dan Galian untuk melihat perkara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan cek bantuan RM100,000 kepada Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) Al-Latifiah di Alor Setangok dekat sini pada Isnin.



Razman (kiri) menyampaikan serahan cek RM100,000 kepada SRAR Al-Latifiah menerusi Pegawai Tadbir Agama Bagan Serai, Mohd Hafiz Kariah.

Beliau berkata, pelbagai usaha telah dilakukan kerajaan negeri sebelum ini untuk menjadikan pengoperasian kolam ternakan udang haram itu sah di sisi undang-undang, namun banyak yang terhalang.

Katanya, pada masa sama, perusahaan itu tidak boleh dihentikan begitu sahaja kerana melibatkan proses undang-undang, selain dikhuatiri menjejaskan sumber bekalan makanan negara.

"Kalau secara haram dan tak ikut syarat ditetapkan, kerajaan tidak mendapat apa-apa hasil. Selain itu, sebagai tanggungjawab menjaga sumber makanan, memang kita perlukan kolam-kolam udang sebagai bekalan makanan.

"Sebab itu kita akan tengok satu persatu kes yang ada, nanti akan ada

mekanisme tertentu, contohnya bagi kes yang sudah diteroka berpuluh-puluh tahun, itu dah jadi satu kategori.

"Mana yang dah diteroka itu akan kita lihat sama ada boleh dijadikan sebagai sah atau tidak tetapi kita tidak akan benarkan penerokaan baharu dilakukan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Razman berkata, sumbangan RM100,000 itu digunakan bagi kerja baik pulih sekolah.

Katanya, sekolah yang berusia lebih 30 tahun itu telah mengalami pelbagai kerosakan dan sebahagian besarnya melibatkan struktur bumbung.

"Kita harap dana ini dapat digunakan sebaiknya bagi menjamin kesejahteraan murid," kata beliau.

Permintaan lembu untuk ibadah korban di Selangor meningkat



IZHAM

SHAH ALAM - Permintaan lembu untuk korban pada Aidiladha tahun ini dijangka meningkat mendadak susulan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim berkata, berdasarkan tinjauan dan analisis Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVSSSEL), berlaku peningkatan mendadak untuk kegunaan korban iaitu dari 5,000 hingga 6,000 ekor lembu pada tahun ini.

Menurutnya, peningkatan itu susulan ramai umat Islam yang me-

ngguhkan ibadah korban ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu akan melaksanakan ibadah tersebut tahun ini.

"Kerajaan negeri akan memastikan bekalan lembu mencukupi bagi menampung permintaan tinggi menjelang musim perayaan Aidiladha.

"Selangor tidak akan menghadapi masalah bekalan sama ada bagi kegunaan harian mahupun untuk kegunaan ibadah korban kerana mempunyai kuasa beli tinggi berbanding negeri lain.

"Disebabkan itu, pedagang ternakan akan menumpukan pasaran dan membawa masuk seberapa banyak ternakan ke Selangor," katanya

ketika dihubungi pada Isnin.

Menurut Izham, masalah bekalan juga tidak akan berlaku apabila kerajaan memberikan kebenaran-kemasukan sumber import lembu dari Thailand.

"Pedagang lembu korban utama berpusat di Selangor juga mempunyai ladang ternakan lembu untuk menyimpan stok lembu korban di negeri-negeri bersempadan dengan Thailand seperti Kedah dan Kelantan," katanya.

Tambah beliau, sebanyak 4,083 lembu korban disembelih pada 2019 sebelum menurun kepada 2,171 pada 2020 dan meningkat semula kepada 4,161 pada 2021.

Maqis rampas sayur, ikan tanpa permit dari Indonesia

MELAKA - Taktik lapan individu cuba menyeludup masuk komoditi pertanian dan hasil ikan menggunakan feri pelancong gagal selepas dicekup di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), di sini kelmarin.

Dalam operasi pada pukul 1 tengah hari itu, semua individu berusia 20 hingga 50 tahun itu ditahan sepasukan penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Pengarah Maqis Melaka, Nora Diah Abdul Rahman berkata, hasil pemeriksaan ke atas lapan individu itu menemui pelbagai

makanan komoditi pertanian dan hasil laut yang cuba diseludup masuk dalam beg pakalan.

"Modus operandi yang digunakan adalah dengan meletakkan semua barangan itu di dalam beg pakalan dan dibalut dengan kemas bagi mengaburi pegawai Maqis semasa pemeriksaan.

"Komoditi itu tidak mempunyai Permit Import yang sah dan kesemua bekalan dianggarkan bernilai RM2,700 dirampas untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Ujarnya antara yang dirampas adalah petai, buah limau, cili dan

beberapa jenis sayuran lain.

Ujarnya, semua suspek dilepaskan selepas keterangan diambil, namun siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sabit kesalahan pesalah boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

"Maqis sentiasa mengawasi aktiviti keluar masuk di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi pertanian, ikan dan haiwan mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan," katanya.



PENGUAT Kuasa Maqis bersama rampasan sayur-sayuran serta ikan tanpa permit di Kompleks ICQS Sempai Melaka, Melaka kelmarin.



MOHD. FARED (tengah) menunjukkan kenyataan akhbar mengenai pelaksanaan ibadah korban pada sidang media di Johor Bahru semalam. - RAJA JAAFAR ALI

Perlu mohon permit di Pejabat Kadi Daerah

Ibadah korban boleh buat di masjid, surau

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

JOHOR BAHRU - Pelaksanaan ibadah korban termasuk aktiviti sembelihan, memotong, menimbang dan mengagihkan daging korban dibenarkan dilaksanakan di masjid dan surau seluruh negeri ini sempena Aidiladha tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Mohd. Fared Mohd. Khalid berkata, kebenaran itu diberikan kepada masjid dan surau yang mempunyai ruang sembelihan khusus yang lengkap dengan kebenaran Pejabat Kadi Daerah dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah.

Bellau berkata, setakat ini sebanyak 64 buah masjid dan 68 surau di negeri ini telah mendapat permit dan kebenaran untuk melakukan ibadah korban.

"Aktiviti ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha turut dilaksanakan di 153 Rumah Penyembelihan yang berdaftar

dengan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah.

"Bagi masjid dan surau yang belum diwartakan, mereka masih boleh memohon dengan Pejabat Kadi Daerah dan pemeriksaan akan dilakukan untuk memastikan ia sesuai diadakan ibadah korban.

"Sekiranya masjid dan surau tiada ruang dan kelengkapan tersebut, maka hanya dibenarkan untuk aktiviti melapah, membungkus dan edaran sahaja," katanya pada sidang akhbar di Pusat Islam Iskandar di sini semalam.

Pada tahun lalu, aktiviti itu hanya dibenarkan dibuat di rumah sembelihan yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah.

Mohd. Fared berkata, pihak lain yang ingin melakukan ibadah korban di kawasan sendiri, mereka boleh membuat permohonan

dengan Pejabat Kadi Daerah dan Veterinar tertakluk kepada kesesuaian dan penilaian kedua-dua pihak terbabit.

"Sekiranya mana-mana individu yang didapati melakukan ibadah sembelihan tanpa kebenaran, mereka boleh didenda RM10,000 mengikut peruntukan undang-undang serta daging sembelihan akan dirampas," ujarnya.

Katanya, tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 51 Kaedah-Kaedah Binatang Kawalan Penyembelihan 2009.

Dalam pada itu, beliau turut menjangkakan bekalan haiwan korban pada tahun ini mencukupi dan mampu menampung permintaan yang tinggi.

"Jika pada tahun lalu kira-kira 6,000 ekor lembu dikorbankan, kita jangkakan sedikit peningkatan berbanding tahun lalu ekoran kadar harga yang tinggi ketika ini," katanya.

Jana RM2,000 sebulan hasil jualan pokok eksotik

GUA MUSANG - Seorang pesara tentera mampu menjana pendapatan sampingan RM2,000 sebulan hasil daripada menanam dan menjual pokok eksotik di rumahnya di Taman Damar di sini.

Ahmad Tarmizi Dollah Ahmad, 55, tidak menyang tangan selepas lebih 30 spesies benih pokok eksotik yang sukar ditemui mendapat permintaan tinggi.

Benih pokok eksotik itu antaranya pokok pisang seribu, tebu pelangi, tebu gading, kunyit bunian, jambu strawberi, kantan malerus, pokok mataoa, delima bonsai, kemoyang merah dan ubi betik atau pokok cahaya.

Katanya, pokok pisang seribu merupakan benih yang sering menjadi pilihan peminat

dan tidak menyangka pokok itu yang biasanya tumbuh meliar dalam hutan dan banyak terdapat di Indonesia kini hidup subur di halaman rumahnya.

"Saya mendapat benih pokok itu daripada seorang penduduk dan kini benih pisang itu semakin membiak.

"Saya menanam pisang seribu secara suka-suka sebagai pokok hiasan. Selepas sembilan bulan ditanam, akhirnya pokok pisang itu berbuah," katanya ketika ditemui semalam.

Ahmad Tarmizi berkata, dia menjual satu anak benih pisang seribu pada harga RM25.

"Peminat pokok itu atau jiran datang ke rumah untuk merakam gambar buah pisang berbuah lebih 1,000 biji dan sepanjang 3.4 meter itu kerana ia kelihatan unik," katanya.



AHMAD TARMIZI mengukur pisang seribu yang tumbuh di hadapan rumahnya di Taman Damar, Gua Musang. - AIMUNI TUAN LAH



14 JUN, 2022

3000 people take part in Balik Pulau durian carnival in 3 days

China Press (Northern), Malaysia

浮羅山背嘉年華 果王3天引來3000人

【檳城13日訊】雨天和塞車都阻止不了榴槤愛好者，浮羅山背清真寺前廣場舉行的2022年榴槤嘉年華，在3天內吸引了逾3000人到場選購。

根據《馬來西亞前鋒報》報導，上述嘉年華從上周五至周日進行，匯集各種浮羅山背的榴槤品種，包括紅蝦、貓山王、坤寶、葫蘆及黑刺，目標是能取得35萬令吉的銷售額。

榴槤小販之一莫哈末阿里夫（22歲）說，他每天帶1公噸榴槤，到該嘉年華活動傳賣。

“尤其在過去兩年的冠病疫情中，榴槤商家們的生意深受影響，這項嘉年華是一項讓我們增加收入的好機會。”

他說，他以5令吉至35令吉的合理價格傳賣榴槤。

價格合理

“我傳賣的榴槤，來自我們在新港、公巴及浮羅山背租賃的榴槤園。”

他說，除了該項嘉年華，在湖內及武吉古姆也每天派出人手傳賣榴槤。

訪客西蒂法茲拉（32歲）



■2022年榴槤嘉年華嘉年華從上周五至周日進行，匯集各種浮羅山背的榴槤品種，包括紅蝦、貓山王、坤寶、葫蘆及黑刺。（檔案照）

和朋友從威省過來該嘉年華，她稱讚該處傳賣的榴槤價格合理。

聯邦農業銷售局（FAMA）檳州分局主任莫哈末阿茲拉依說，共有12名榴槤商家及

榴槤相關產品商家，參與該嘉年華。



14 JUN, 2022

3000 people take part in Balik Pulau durian carnival in 3 days

China Press (Northern), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

浮羅山背嘉年華

天引來3000|(檳城13日訊) 雨天和塞車都阻止不了榴槤愛好者，浮羅山背清真寺前廣場舉行的2022年榴槤嘉年華，在3天內吸引了逾3000人到場選購。根據《馬來西亞前鋒報》報導，上述嘉年華从上周五至周日進行，匯集各種浮羅山背的榴槤品種，包括紅虫下、貓山王、坤寶、葫蘆及黑刺，目標是能取得25萬令吉的銷售額。榴槤小販之一莫哈末阿里夫(22歲)說，他每天帶公噸榴槤，到該嘉年華活動售賣

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Bantuan pertanian perlu untuk kecukupan makanan negara



Pekerja MARDI melakukan kerja-kerja pertanian ketika tinjauan lensa Malaysia Gazette di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Serdang, Selangor. foto MOHD ADZLAN, 27 OKTOBER 2021.

ISU ketidakcukupan makanan kini gawat diperkatakan, terutamanya ekoran serangan Russia ke atas Ukraine. Ini antaranya faktor penyebab kekurangan eksport beberapa jenis bahan asas makanan utama seperti tepung,

minyak dan sebagainya. Langkah drastik beberapa negara seperti Indonesia yang tidak mengeksport minyak sawitnya ke negara lain juga menjejaskan bekalan minyak masak dunia kerana isu kekurangan bekalan minyak dalam peringkat domestik.

Saranan kerajaan agar pesawah menghasilkan lebih kitaran padi untuk untuk bekalan beras yang merupakan makanan utama rakyat negara adalah saranan yang bagus bagi menjamin kecukupan beras tersebut. Namun di sebalik saranan tersebut beberapa perkara perlulah dipandang serius oleh kerajaan dan kementerian terbabit.

Sebagai contoh perlulah diberikan insentif, subsidi dan sebagainya kepada pesawah bagi merealisasikan hasrat kecukupan beras negara. Cemuan juga perlian kepada golongan petani, pesawah dan peneroka yang dikatakan mentaliti subsidi rakyat perlulah dihapuskan sama sekali. Ini kerana dari segi realiti dan praktikal, golongan tersebut amat memerlukan bantuan pertanian tersebut.

Adalah menjadi tugas, tanggungjawab juga dasar kerajaan untuk memberi sebarang jenis bantuan kepada rakyat yang ingin meningkatkan hasil pertanian Malaysia yang merupakan salah satu sumber pendapatan negara, yang hasilnya bukannya dinikmati secara persendirian namun dapat dinikmati hasilnya dek seluruh rakyat Malaysia. Dan secara logiknya petani dan pesawah juga memerlukan modal yang besar untuk bersawah dengan pembelian biji benih yang bermutu tinggi juga jentera moden bagi memudahkan kerja bagi penghasilan seperti yang dihasratkan kerajaan.

Segala jentera berkaitan kerajaan juga perlulah mendokong usaha petani ini seperti pemasaran dan mengurangkan karenah biokrasi yang tidak perlu. Oleh itu petani tidak perlu secara persendirian membuat pinjaman bank bagi tujuan mengusahakan pertanian.

Insentif dari kerajaan untuk memajukan industri ini bukanlah sesuatu yang baharu walaupun bagi negara-negara maju. Sebagai contoh negara Itali banyak menyediakan insentif bagi usahawannya memajukan industri fesyen dan barangan kulit buatan Itali. Hasilnya kota Milan juga kota-kota lain di Itali seperti Florence menjadi antara kota fesyen dan pengeluar barangan kulit terkenal dunia.

Selain itu peranan setengah jabatan terkait kerajaan yang dikatakan menyediakan kemudahan pinjaman, kewangan dan sebagainya untuk para petani juga perlu dikaji

semula. Apa gunanya kewujudan jabatan ini jika tidak mampu merealisasikan apa yang diuar-uarkan. Mungkin jabatan tersebut perlu dirombak lalu mampu mengurangkan kos operasi dan akhirnya boleh memberi lebih subsidi kepada petani. Ini dilihat lebih berdaya saing dan lebih memberi manfaat kepada banyak pihak seperti petani dan pengguna jika dibandingkan dengan pengoperasian jabatan yang kurang peranannya.

Dalam hal ini banyak pihak akan cuba menuding jari kepada kerajaan dan sesama sendiri. Mereka berpendapat hal ini terjadi kerana kerajaan atau kementerian terbabit yang tidak memberikan peruntukan kemudahan pembiayaan tersebut. Walau mungkin tidak dapat disangkal akan kebenaran ini, pihak yang menuding jari tersebut haruslah memberikan respons kepada pihak atasan, kementerian dan kerajaan akan keperluan pelbagai bentuk pinjaman, kemudahan terutamanya pada petani peserta RISDA, FELDA, FELCRA dan sebagainya.

Respons atau cadangan inilah yang seharusnya dibuat kajian oleh kerajaan bagi memantapkan lagi visi, polisi dan pelan tindakan, yang seharusnya mendapat suara-suara dari akar umbi, terutamanya para petani itu sendiri. Jika Malaysia serius mahu menangani ketidakcukupan makanan, selain pertanian komersial seperti kelapa sawit dan getah, pertanian untuk bahan asas makanan seperti padi, koko, kopi, jagung dan sebagainya perlu diberi lebih perhatian juga. Oleh itu pelan tindakan perlu selaras dengan keperluan juga kemudahan pembiayaan, jentera dan sebagainya kepada para petani. Moga satu hari nanti Malaysia mampu mengeksport beras seperti negara jiran dan bukan sahaja mengeluarkan beras yang secukupnya untuk rakyatnya sahaja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	10

lokal

Kuala Lumpur

Peningkatan fahaman perlindungan makanan yang mencetuskan kebimbangan terhadap inflasi di seluruh dunia sekali lagi menunjukkan akan perlunya untuk membuat pelaburan jangka panjang yang lebih berfokus dalam pertanian dan penyelidikan berasaskan makanan di Malaysia untuk melindungi ekonomi domestik dan bekalan makanan negara.

Hanya dengan berbuat demikian barulah Malaysia boleh mengurangkan jumlah import makanannya. Pergantungan tinggi kepada makanan diimport menyebabkan negara menanggung jumlah import tahunan bernilai lebih daripada RM50 bilion dan ia semakin meningkat.


Pergantungan negara kepada import makanan meningkat daripada RM51.4 bilion pada 2019 kepada RM55.4 bilion pada 2020 dan angka itu dijangka terus meningkat, demikian Ahli Ekonomi Pertanian Prof Datuk Dr M Nasir Shamsudin dipetik sebagai berkata.

Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelaksanaan DSMN) 2021-2025 adalah satu permulaan yang baik tetapi perlu dilakukan dengan efektif, cekap dan secara telus agar selepas tempoh lima tahun negara akan dapat menikmati lebih banyak hasil tanaman keaharian sendiri.

Negara perlu menetapkan matlamat untuk dapat menampung makanan sendiri dan tidak gentar dengan sebarang fahaman perlindungan makanan dalam tempoh jangka panjang. Ini juga boleh membantu menurunkan kadar inflasi negara yang meningkat 2.3 peratus pada April daripada tempoh yang sama tahun sebelumnya, disebabkan oleh harga makanan tinggi (4.1 peratus).

Timbalan Pengarah Penyelidikan Institut Penyelidikan Khazanah Dr Sarena Che Omar berkata, Malaysia dilimpahi kepelbagaian organisma yang belum diteroka sepenuhnya dari segi nutrisi serta nilai komersial.

"Mengapa makan salad



IMPORT MAKANAN KITA RM55B PADA 2020

SALAD, ULAM DAN QATAR

NEGARA menanggung jumlah import makanan bernilai lebih RM50 bilion setiap tahun.

RM51.4B



Mengapa makan salad import yang tiada rasa dan mahal apabila kita mempunyai akses kepada begitu banyak ulam tempatan yang baik dan berperisa namun lebih murah."

Dr Sarena

import yang tiada rasa dan mahal apabila kita mempunyai akses kepada begitu banyak ulam tempatan yang baik dan berperisa namun lebih murah, lebih lestari dan banyak memberi manfaat kepada kesihatan," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, harga makanan secara keseluruhannya meningkat seperti yang dapat dilihat dalam harga sayuran dan ayam itik.

Dr Sarena berkata, indeks harga makanan global yang dijejaki oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Mac menunjukkan ia lebih tinggi hampir 30 peratus bagi tahun ke tahun. Justeru, seluruh dunia mengalami inflasi harga makanan yang amat buruk.

Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Anta-

rabangsa (ISIS) Malaysia, Herizal Hazri berkata, masalah jaminan makanan boleh berubah dengan mudahnya menjadi isu keselamatan negara.

"Pelaksanaan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 merupakan strategi bagi menjamin sistem makanan kita pada masa depan. Ia meletakkan penekanan yang kukuh terhadap transformasi digital bagi memastikan sektor itu dapat memenuhi permintaan pada masa akan datang.

"Merangkumi lima strategi teras,

DSMN menggariskan 15 strategi dan 96 inisiatif bagi memastikan kemampuan bekalan makanan negara pada setiap masa, terutamanya ketika berdepan situasi yang tidak dijangka.

"Matlamatnya adalah untuk membina sektor agro-makanan yang berdaya tahan, inklusif dan mampan yang bersedia untuk meredakan dan menguruskan krisis jaminan makanan dan gangguan rantaian bekalan agro-makanan," menurut Herizal.

Beliau berkata, keutamaan itu menjadi lebih buruk dengan pemanasan global yang mana kalangan pakar sudah memberi amaran bahawa banjir 'sekali dalam satu abad' pada tahun lepas semakin menjadi satu kebiasaan.

Sektor agro-makanan mencatatkan kerugian lebih RM67 juta akibat banjir pada Disember. Kos bencana alam sedemikian dan ke-

sannya kepada pengeluaran makanan akan menjadi lebih buruk.

Memetik Qatar sebagai contoh, Herizal berkata, negara Timur Tengah itu yang mengimport 40 peratus barangan dan perkhidmatannya melalui Arab Saudi (sebelum krisis diplomatik meletus pada 2017) kini merupakan negara yang tidak bergantung kepada import dari segi tenusu.

Syarikat bernama Baladna kini memiliki satu daripada ladang lembu terbesar di rantau itu.

"Ia bermula dengan 4,000 lembu tenusu pada 2017 dan hari ini, ia mempunyai lebih 20,000 ekor lembu yang ditempatkan di kandang sejuk khas. Susu lembu diperah hari-hari menggunakan sistem pemerahan putar yang tercanggih bagi menyediakan pelbagai pilihan produk tenusu. Ladang itu juga dibuka kepada orang ramai, termasuk murid-murid sekolah, bagi melawat kawasan pemerahan susu.

"Dua tahun selepas ia ditubuhkan, Baladna mengekspor produknya ke Afghanistan, Yaman dan Oman. Diwujudkan berikutan satu sekatan, syarikat itu memastikan Qatar beralih daripada bergantung kepada import tenusu kepada 100 peratus sara diri susu."

Syarikat itu baru-baru ini menjalin kerjasama dengan FGV Holdings Bhd Malaysia untuk bersama-sama memubuhkan sebuah ladang tenusu bersepadu berskala besar dan terkini di Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Pengguna kini menikmati subsidi yang tinggi dalam minyak masak serta bahan api dan kerajaan sedang berusaha untuk menggantikan skim subsidi menyeluruh ini kepada yang disasarkan agar ianya tidak merugikan perbendaharaan.

Menurut Sarena, skim subsidi semasa tidak membekalkan kumpulan pengguna dan ini bukan perkara yang baik.

"Kelemahan subsidi secara menyeluruh ini ialah ia tidak membezakan golongan miskin serta kaya, perniagaan atau pengguna individu, mereka semua mendapat manfaat, contohnya subsidi makanan.

"Ini bermakna kerajaan melakukan pembaziran apabila wang disalurkan kepada penerima yang tidak sepatutnya. Penyelesaian terbaik adalah memperkukuh dan memperluaskan bantuan berasaskan tunai yang disasarkan seperti program bantuan makanan MyKA-



KLANG memproses hasil tenusu milik syarikat Baladna di Qatar.



SEKTOR pertanian daripada kesedaran KDNK pada 2020 adalah 7.4 peratus daripada 28.8 peratus pada 1970.

» Dari muka 10

SIH-PRIHATIN yang secara khusus menjerus hanya kepada golongan B40," katanya.

Sarena berpendapat bahawa jika kumpulan yang lebih besar disasarkan, kerajaan boleh mengembangkan bantuan itu kepada kumpulan pendapatan B50 atau B60.

Salah satu keterbatasannya adalah pangkalan data sedia ada kerajaan mungkin tidak memasukkan kesemua golongan dan ada kemungkinan wujud komuniti yang tercicir dan tidak berdaftar yang mungkin akan menyebabkan mereka ditinggalkan.

Sehingga itu berlaku, kerajaan dijangka mengeluarkan jumlah subsidi yang lebih tinggi tahun ini kepada RM71 bilion, manakala subsidi petrol sahaja akan mencecah RM30 bilion di tengah-tengah kenaikan harga minyak mentah, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dilaporkan berkata semasa Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland baru-baru ini.

Subsidi yang lebih tinggi menyebabkan kadar inflasi teras yang lebih rendah pada 2.3 peratus dan ia dijangka mencapai 3.2 peratus tahun ini.

Ahli-ahli ekonomi juga ada mencadangkan dalam jangka masa panjang, kerajaan mungkin perlu menghentikan program subsidi apabila ekonomi berkembang dengan stabil, kadar pengangguran semakin berkurangan dan pekerjaan menerima upah yang lebih baik.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, bahagian sektor pertanian daripada keseluruhan keluaran da-

lam negara kasar (KDNK) pada 2020 adalah 7.4 peratus daripada 28.8 peratus pada 1970.

Malaysia mengimport 60 peratus daripada makanan negara. Pada 2020, Malaysia mengimport produk makanan bernilai RM55.5 bilion berbanding eksport bernilai RM37.8 bilion.

Kebergantungan import Malaysia terhadap komoditi pertanian bagi memenuhi permintaan domestik meningkat kepada 13.7 peratus daripada 7.3 peratus dalam tempoh 28 tahun (1987-2015).

Peningkatan import yang lebih pantas berbanding eksport membawa kepada peningkatan defisit perdagangan produk makanan berjumlah RM21.7 bilion pada 2020, meningkat 24.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Jabatan Perangkaan, import makanan negara berjumlah sebanyak RM482.8 bilion dalam tempoh 10 tahun lepas, manakala eksport sebanyak RM296 bilion.

Program Makanan Sedunia PBB memberi amaran bahawa perang di Ukraine mewujudkan krisis pertanian yang tidak pernah berlaku sejak Perang Dunia Kedua.

Malah sebelum perang bermula pada Februari tahun ini, rantaian bekalan makanan global sudah pun terjejas teruk akibat pandemik Covid-19 dan bencana alam lain, ia mengganggu keseluruhan rantaian bekalan.

Ia menaikkan harga komoditi dan harga kos kepada perniagaan yang disalurkan kepada pengguna yang terpaksa membayar lebih tinggi untuk makanan ruji dapur iaitu beras, gandum, ayam, itik, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Sejak bermulanya perang Ukraine, sekurang-kurangnya 30 negara sudah mengambil langkah untuk menyekat eksport makanan dengan melaksanakan dasar perlindungan pertanian pada tahap tertinggi sejak krisis harga makanan pada tahun 2007 dan 2008, kata Ketua Komoditi Fitch Solutions Sabrin Chowdhury.

Negara termiskin adalah yang paling terjejas kerana negara berpendapatan tinggi melihat rakyat meningkatkan perbelanjaan mereka untuk makanan dalam persekitaran kos sara hidup yang lebih tinggi.

Sebagai contoh, negara-negara di wilayah Sahel di Afrika terpaksa melihat rakyatnya mati kelaparan akibat kekurangan makanan terutamanya disebabkan oleh perang di Ukraine.

Program Makanan Sedunia menganggarkan kira-kira 811 juta orang akan tidur dalam keadaan lapar pada waktu malam dan 49 juta orang menghadapi tahap kecemasan kelaparan, ia 10 kali lebih tinggi daripada tahap sebelum pandemik.

Walaupun Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memberi jaminan bahawa bekalan makanan di negara ini tidak mencapai tahap krisis, adalah penting bagi rakyat Malaysia menyedari isu itu dan mengambil kira kesannya.

Tidak perlu lagi berfoya-foya dan jika boleh, pilihlah barangan buatan tempatan kerana ini akan membantu menjana lebih banyak pendapatan kepada negara yang kemudiannya akan disalurkan kembali kepada rakyat.

Rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana mereka tinggal di negara beriklim tropika yang menghasilkan banyak sumber semula jadi seperti minyak sawit, getah, koko, lada, bijih timah, petroleum, kayu balak dan tembaga.

“
15 strategi dan
96 inisiatif bagi
memastikan
kemampuan
bekalan makanan
Herizal

Kerbau 'pink' jadi rakan karib

Marang: Bergeluhang dengan dunia ternakan sejak kecil membuat seorang remaja perempuan tidak kekok untuk menjaga dua kerbau albino bernama Abu dan Ali yang dipeliharanya sejak dua tahun lalu.

Wan Nur Zahrah Wan Zuhairah, 18, atau lebih mesra dengan panggilan Along dari Kampung Padang Linau Nipis, dekat sini, berkata dia mengambil masa lebih setahun untuk menjinakkan kerbau 'pink' berkenaan selepas dibawa pulang oleh bapanya.

Menurutnya, kedua-dua kerbau berkenaan adalah anak kerbau milik bapanya yang diternak di Kampung Kubang Palas, Telemong, Hulu Terengganu dan rutin hariannya ialah memotong rumput sebelum membawanya pulang ke kandang pada waktu pagi.

"Selepas selesai cerut (potong) rumput, saya akan ba-

dan Ali, namun dia tidak membenarkan bapanya menjual kedua-dua kerbau kesayangannya itu.

"Pendedahan berkaitan pemeliharaan ternakan sejak berusia tujuh tahun membuat saya tidak kekok untuk menjaga haiwan itu dan mengangap perkara biasa apabila perlu membersihkan kandang yang dipenuhi najis haiwan.

"Saya rasa selesa melakukan kerja ini kerana ia memerlukan tekanan, ditambah pula Abu amat jinak selain menjadi rakan karib kepada saya berada di kandang," katanya.

Sementara itu, Wan Zuhairah berkata, dia sendiri didedahkan dengan dunia ternakan sejak berusia lima tahun dan urusan menjaga kerbau serta lembu turut dibantu isterinya Suzira Ismail, 40, bersama anak-anaknya.

"Hingga kini saya mempunyai 40 ekor kerbau termasuk dua albino di mana hanya empat berada di kandang di Marang manakala selebihnya berada di Kubang Palas, Telemong, Hulu Terengganu.

"Ada individu yang ingin membeli Abu dengan harga RM8,000 manakala Ali RM7,000 namun saya tidak menjualnya," katanya yang turut menternak 12 ekor lembu.

Menurutnya, seekor lembu yang digunakan sebagai denak dengan panggilan King dengan berat lebih satu tan berusia empat tahun juga pernah ditawarkan pada harga RM25,000 namun dia tidak berminat untuk menjualnya.



"Saya rasa selesa melakukan kerja ini kerana ia menyeronokkan"
Wan Nur Zahrah

Wan Nur Zahrah bersama Abu.



PUTRA Edi menjual ayam segar ketika tinjauan harga barangan basah di Pasar Chow Kit, semalam. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

Pembekal berbeza, harga pun berlainan

Kuala Lumpur: Peningkatan harga ayam segar mengakibatkan peniaga tidak dapat menyeragamkan harga disebabkan bekalan diperolehi daripada pembekal berbeza.

Tinjauan di Pasar Chow Kit mendapati peniaga menjual ayam segar dengan harga antara RM10.50 dan RM11 sekilogram.

Peniaga ayam segar, Ghani Sazali, 60, berkata, harga ayam tidak dapat diseragamkan kerana peniaga mendapat bekalan daripada pembekal berbeza.

"Sekarang ini ayam segar datang dalam lingkungan harga RM9.20 hingga RM9.50 sekilogram. Saya sebagai peniaga terpaksa menjual ayam pada harga RM10.50 sekilogram.

"Apa yang saya nampak memang tiada penurunan harga ayam langsung sejak dua bulan lalu, sebaliknya kekal meningkat pada peringkat pembekal.

"Kami (peniaga) dimaklumkan peningkatan harga

ayam segar disebabkan ayam di ladang kecil. Ayam yang kami terima hanyalah seberat 1.6 kilogram secara purata," katanya ketika ditemui di pasar terbabit, semalam.

Berbeza pula dengan peniaga ayam lain, Putra Edi, 26, yang menjual ayam segar dengan harga RM11 sekilogram kerana bekalan dari pasar borong diper-

olehnya tidak mencukupi selain harganya tinggi.

"Disebabkan isu bekalan ayam segar tidak mencukupi, pihak kami hanya menerima

stok sebanyak 20 hingga 30 ayam sehari.

"Pihak pembekal tidak memaklumkan punca bekalan tidak mencukupi dan isu ini seolah-olah tiada jalan penyelesaian daripada mereka," katanya.

Sementara itu, hasil tinjauan ke atas daging import mendapati peningkatan harga RM1 menjadikan daging berkenaan dijual pada harga RM20 hingga RM21 sekilogram.

“
Isu ini
seolah-olah
tiada jalan
penyelesaian

Putra Edi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Ayam naik harga, jangan salahkan penternak sepenuhnya

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
utusannews@mdamulfa.com.my

PASIR SALAK: Penternak tidak harus dipersalahkan sepenuhnya dalam isu bekalan ayam tidak cukup di pasaran sehingga menyebabkan berlaku kenaikan harga.

Pengarah Penternakan Ayam HJD Agrotech di sini, Datuk Sheikh Kamaruzzaman Dawood, 38, berkata, ini kerana penternak sepertinya juga terkesan akibat kos yang tinggi berikutan kenaikan dedak untuk makanan ayam.

Menurutnya, sebagai contoh harga dedak ayam mencecah harga RM130 satu beg seberat 25 kilogram berbanding RM84 satu beg sebelum ini.

Katanya, itu tidak termasuk lagi lain-lain kos seperti gaji pekerja dan kos penggunaan elektrik selain ternakan yang mati.



SHEIKH Kamaruzzaman Dawood menunjukkan bekalan anak ayam yang baru diterimanya di ladangnya di Kampung Redang Punggor, Pasir Salak baru-baru ini. - **UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

berlaku di pasaran ketika ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Sheikh Kamaruzzaman, pihaknya telah mengusahakan ternakan ayam secara sistem ladang kontrak sejak lima tahun lalu dan menghadapi pelbagai masalah terutama kenaikan kos ternakan.

Namun, katanya, beliau percaya masalah kenaikan harga ayam segar di pasaran yang berlaku ketika ini dijangka berakhir apabila bekalan kembali stabil.

"Saya sebagai penternak hanya berharap pengguna tidak menyalahkan kami dalam isu kekurangan bekalan ayam atau kenaikan harganya kerana kami juga terpaksa berdepan isu kenaikan kos terutama harga dedak yang terus naik," katanya.

Beliau berasa lega kerana baru sahaja menerima bekalan anak ayam sebanyak 60,000 ekor untuk reban pertama.

"Tidak adil pengguna menyalahkan kami sepenuhnya golongan penternak kerana berlakunya kekurangan bekalan ayam di pasaran.

"Kami juga terpaksa menaikkan kos yang tinggi untuk ternakan disebabkan kenaikan harga dedak, bermakna kami juga terkesan dengan apa yang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Balu nelayan lemas terima pencen suami

PONTIAN: Seorang wanita tidak menyangka suaminya yang mati lemas ketika keluar menjangkakan minggu lalu, 'meninggal' duit pencen kepada keluarganya setiap bulan.

Hairunisa Sandari, 54, balu kepada Allahyarham Abu Bakar Mohammad tidak mengetahui suaminya, iaitu seorang nelayan membuat caruman bersama Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Katanya, dia bersyukur kerana caruman itu membolehkannya menerima pencen bulanan bagi menampung perbelanjaan harian keluarga.

"Walaupun kehilangan itu tidak dapat diganti, arwah mengambil langkah untuk menjaga kebajikan ahli keluarga yang ditinggalkan ini," katanya ketika ditemui selepas menerima faedah itu di rumahnya di Kampung Dalam Ayer Baloi, di sini, semalam.



HAIRUNISA SANDARI (kanan) menerima bantuan faedah pengurusan jenazah sebanyak RM2,000 daripada Hasrunizah Hassan di Kampung Dalam Ayer Baloi, Pontian, Johor.

Dalam majlis tersebut, Hairunisa menerima faedah pengurusan jenazah sebanyak RM2,000 yang disampaikan Ahli Dewan Un-

dangan Negeri (ADUN) Pulau Sebatang, Hasrunizah Hassan.

Selain itu, Hairunisa menerima faedah orang tanggungan

sebanyak RM567 sebulan yang diterima sepanjang hayatnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Johor, Jamalludin Mohammad berkata, Allahyarham Abu Bakar adalah pen-carum SKSPS sebanyak RM157.20 sebulan bermula 15 Jun tahun lalu, manakala rakannya yang turut lemas, Khalid Mohammad mencarum dengan Pelan 1 SKSPS bermula 15 Oktober 2021.

Katanya, caruman kedua-dua nelayan tersebut dibayar menerusi potongan Elaun Sara Hidup Nelayan iaitu kerjasama strategik antara Perkeso dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Memandangkan Allahyarham Abu Bakar meninggalkan balu, isterinya layak menerima faedah orang tanggungan manakala waris Allahyarham Khalid menerima bantuan pengurusan jenazah sebanyak RM2,000," ujarnya.

Naik motosikal sertai kursus dari Johor ke N. Sembilan



AZHAR menunjukkan cendawan yang diusahakannya di Kota Tinggi.

KOTA TINGGI – Usaha gigit seorang lelaki yang sanggup menunggang motosikal dari Johor ke Negeri Sembilan untuk menuntut ilmu tanaman cendawan ternyata membuahkan hasil.

Azhar Ramli, 36, kini bergelartauke apabila berjaya menghasilkan sebanyak 17,000 bongkah cendawan dalam tempoh dua tahun.

Menurut lelaki itu, duit simpanannya sebanyak RM30,000 digunakan sebagai modal membangunkan perusahan cendawan tiram yang memfokuskan kepada pembuatan bongkah

cendawan.

"Saya berminat menanam cendawan sejak 2004, namun tidak mempunyai rezeki melaksanakannya. Sebelum ini, saya pernah bekerja di Singapura dan pulang kampung untuk mengusahakan tanaman cendawan tiram.

"Saya menunggang motosikal untuk mengikuti kursus cendawan di Rembau, Negeri Sembilan. Ketika itu saya lihat ada peserta yang pandu kereta besar, namun saya tidak patah semangat," katanya ketika ditemui di Felda Semenchu di sini.

Selain menjadi pembekal dan

menjual bongkah cendawan, lelaki tersebut turut menjual cendawan segar.

Selain kursus, Azhar turut mendapatkan nasihat dan bimbingan daripada Pejabat Pertanian Kota Tinggi.

Azhar kini dalam proses untuk memiliki sijil bagi program Skim Amanan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) yang telah dimohon.

Tambahnya, dia turut memasang impian untuk memperluaskan lagi tanaman cendawan tersebut dan mahu memiliki sebanyak 10 buah rumah cendawan pada masa hadapan.

2 kerbau albino jadi rakan karib

Remaja tak kekong Abu, Ali, tolak tawaran lumayan jual ternakan

Oleh Nazy Harun
bhnews@bh.com.my

Marang: Bergelumang dengan dunia ternakan sejak kecil membuat Wan Nur Zahrah Wan Zunaidi, 18, atau lebih mesra dipanggil Along, tidak kekong menajaga dua kerbau albino dinamakan Abu dan Ali yang dipelihara sejak dua tahun lalu.

Remaja dari Kampung Padang Limau Nipis, di sini ini, berkata dia mengambil masa lebih setahun untuk menjinakkan kerbau digelarnya 'pink' (albino) selepas dibawa pulang bapanya untuk diternak.

"Rutin harian saya dibahagikan kepada beberapa waktu, awal pagi potong rumput bawa ke kandang, kemudian basuh kandang kerbau dan lembu, selepas itu beri makan semua ternakan.

Petang pula, beri makan ternakan. "Kira-kira jam 10 malam, saya ke kandang lagi untuk beri makan, membersih kandang dan memandikan kerbau.

"Badan kerbau perlu sentiasa sejuk dan kerana Abu serta Ali berada dalam kandang, saya perlu jaga kedua-duanya dengan baik termasuk memandikan mereka," katanya.

Anak suling daripada lima beradik ini, berkata kedua-dua kerbau berkenaan dipeliharanya sejak ternakan itu berusia dua tahun selepas bapanya, Wan Zunaidi Wan Jaafar, 45, membawa pulang ketika usia kerbau berkenaan tiga bulan.

"Ada yang datang nak beli Abu dan Ali, tapi saya tak benarkan bapa jual," katanya menambah terdedah kepada dunia penternakan sejak usia tujuh tahun oleh ibu dan bapa membuatkannya tidak kekong untuk menjaga haiwan itu.

"Bagi saya, membersihkan kandang penuh najis ternakan adalah perkara biasa, malah rutin itu menyeronokkan selain menghilangkan tekanan.

"Saya selesa melakukan kerja

ini, tambah pula Abu amat jinak dan jadi 'rakan karib' ketika saya di kandang," katanya.

Bapanya, Wan Zunaidi berkata, dia sendiri didedahkan dengan dunia ternakan sejak berusia lima tahun dan urusan menjaga kerbau serta lembu turut dibantu isterinya Suzira Ismail, 40, bersama anak-anak.

"Saya ada 40 kerbau termasuk dua albino, namun hanya empat ada di kandang di Marang, selebihnya di Kubang Palas, Telomong, Hulu Terengganu. Ada ingin beli Abu dengan harga RM8,000 dan Ali RM7,000, namun saya tidak jual," katanya yang turut menternak 12 lembu.

Seekor lagi kerbau biasa yang digunakan sebagai denak dipanggil 'King' dengan berat lebih satu tan berusia empat tahun juga pernah ditawarkan dengan harga RM25,000, namun Wan Zunaidi tidak berminat menjualnya.

"Ketiga-tiga kerbau itu kesayangannya keluarga kami, jadi penyeronokan dan haiwan untuk anak-anak bermain.

"Anak-anak tak kekong membersih kandang kerbau dan lembu, potong rumput dan beri makan ternakan," katanya.



Wan Nur Zahrah bersama kerbau albino yang dipanggil Abu.

(Foto Nazy Harun/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH/P. PINANG	28

Musang king, duri hitam jadi buruan

Dua jenis durian Balik Pulau itu memiliki rasa tersendiri

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
GEORGETOWN

Durian musang king dan duri hitam Balik Pulau menjadi buruan ramai terutama penggemar raja buah pada musim kali ini. Meskipun dijual dengan harga 'kayangan' berbanding durian jenis lain, namun tinjauan mendapati musang king dan duri hitam antara yang terlaris di Anjung Indah, Balik Pulau.

Pemilik gerai #YB Durian Balik Pulau, Mohd Hilmi Che Ros berkata, durian musang king dan duri hitam Balik Pulau mempunyai keistimewaan serta rasa tersendiri berbeza dengan tempat lain.

Menurutnya, kesemua durian yang dijual di gerainya itu diambil terus dari dusun Balik Pulau yang diusahakan bersama rakannya, Ahmad Latif sejak beberapa tahun lalu.

"Tidak keterlaluan jika saya katakan durian musang king dan duri hitam di sini mempunyai rasa yang berbeza dengan negeri lain, sebab pokok di sini ada yang berusia lebih 20 tahun. "Bukan itu sahaja, warna isi-

nya juga lebih menarik, selain bentuk juga tak sama," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini, baru-baru ini.

Mohd Hilmi berkata, kebanyakan durian jenis premium yang dijual di gerainya boleh dinikmati dengan harga berpatutan.

Tambahnya, selain dapat merasai keenakan durian di sini, pengunjung juga boleh menikmati raja buah itu ditemani pemandangan dan panorama indah dari atas bukit Balik Pulau.

Sementara itu, Ahmad berkata, lebih 1,000 tan buah durian telah dijual sejak mereka berniaga di kawasan Anjung Indah bermula Mei lalu.

Beliau yang telah berniaga lebih 14 tahun di situ mengakui musim kali ini kembali meriah selepas dua tahun kawasan berkenaan suram susulan pandemik Covid-19.

Jelasnya, selain musang king dan duri hitam, orang ramai juga boleh mendapatkan durian jenis lain seperti hor lor, ang hoi, ochee, udang merah, kacang hijau, emas dan banyak lagi.

"Sambutan pesta durian kali ini amat luar biasa kerana negara telah memasuki fasa peralihan endemik.

"Tambah pula musim cuti sekolah baru-baru ini. Setiap hujung minggu dipenuhi pengunjung dan penggemar durian yang datang dari seluruh negara dan pelancong asing," ujarnya.



Gerai #YB Durian Balik Pulau antara yang menjadi tumpuan di Anjung Indah, Balik Pulau.



Durian Balik Pulau mempunyai keistimewaan tersendiri yang boleh dilihat pada bentuk, warna dan rasanya.



Mohd Hilmi menunjukkan durian duri hitam yang dijual di gerainya.

Sediakan lebih 1.5 tan durian setiap hari



Selain durian, Mohd Al Azzahari turut menjual pulut dan cendol yang mendapat sambutan baik daripada peminat durian di gerainya di Jalan Langgar, Alor Setar.

ALOR SETAR - Lebih 1.5 tan durian disediakan setiap hari di sebuah gerai buah di Jalan Langgar dekat sini bagi memenuhi permintaan tinggi daripada peminat raja buah itu.

Pemilik gerai, Mohd Al Azzahari Ghazali, 29, berkata, kehadiran pelanggan yang ramai juga disebabkan oleh kelainan disediakan pihaknya yang turut menjual pulut dan cendol untuk dimakan bersama durian di gerai berkenaan.

Menurutnya, mengambil kira musim durian yang tiba, beberapa meja dan kerusi turut ditambah bagi menampung permintaan yang dijangka meningkat dua kali ganda daripada kebiasaannya.

"Saya sudah mula menjual pulut dan cendol sejak dua bulan lalu di gerai ini. Setiap hari kira-kira 300 bekas cendol dapat dijual, manakala sebanyak 50 kilogram pulut perlu disediakan.

"Bagi pelanggan yang mahu makan durian bersama pulut ada harga pakej iaitu RM35 bagi dewasa, pelanggan berumur sembilan tahun ke atas dikenakan RM25 manakala kanak-kanak sembilan tahun ke bawah adalah percuma.

"Mereka boleh makan sebanyak mana yang mereka mahu asalkan jangan membazir. Kemeriahan dapat dirasakan apabila melihat pelanggan bagaikan melepaskan geram selepas terkurang akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir dua tahun sebelum ini," katanya kepada pemberita semasa ditemui di gerainya pada Ahad.

Mengulas lanjut, kata Mohd Al Azzahari, stok bekalan durian diperoleh sekitar Kedah seperti Kulim dan Baling, selain dari Balik Pulau, Pulau Pinang serta Batu Kurau, Perak.

Menurutnya, selain durian

kampung gred A, gerainya turut menjual durian jenis lain seperti musang king, 101, D24, hor lor dan udang merah.

Malah, katanya, jika buah durian yang dibeli pelanggan rosak atau tidak dapat dimakan, ia akan diganti dengan buah yang lain.

"Kami mahu memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan agar mereka semua berpuas hati.

"Gerai buah durian ini bersama pakej yang disediakan akan dibuka sehingga habis musim durian yang dijangka selepas Hari Raya Aidiladha iaitu dalam tempoh lebih sebulan dari sekarang," ujar beliau.

Tambahnya lagi, gerai berkenaan dibuka setiap hari bermula jam 11 pagi hingga 10 malam dan semua jenis durian pula dijual dengan harga sekitar RM10 sehingga RM30 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

PM: GLC pastikan pengeluaran makanan negara cukup

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLC) akan memainkan peranan dalam memastikan kualiti, kuantiti dan pengeluaran hasil makanan negara berada di tahap optimum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebagai contoh bekalan dan harga ayam dapat dikawal sekiranya agensi kerajaan berkenaan terlibat dalam ekosistem industri penternakan bermula daripada membekal anak ayam, makanan, pengangkutan, pemasaran dan sebagainya.

Menurut beliau, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan keluasan tanah bagi kegunaan pertanian sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.

"Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam masa terdekat.

"Kerjasama awam dan swasta dipertingkatkan bagi memberi fokus terhadap usaha modenisasi dan menggalakkan pertanian pintar dalam meningkatkan hasil pertanian. Inisiatif ini akan disokong melalui usaha menyatukan tanah ladang, tanah terbiar dan tanah wakaf," katanya dalam kenyataan semalam.



SYARIKAT pelaburan berkaitan kerajaan perlu memainkan peranan memastikan bekalan makanan di negara ini stabil dan mencukupi.

Terdahulu, beliau memengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) berkaitan sekuriti makanan yang turut bersetuju memperkenalkan harga siling bergerak yang berubah kepada faktor harga input.

Ini seiring dengan perancangan bantuan terus bersasar kepada golongan yang memerlukan seperti yang diumumkan sebelum ini.

Ismail Sabri berkata, kerajaan turut memastikan hasil pertanian mempunyai pasaran seperti menggalakkan ladang kontrak di mana peladang dan petani tidak mempunyai masalah untuk memadankan

pengeluaran hasil pertanian dengan permintaan pasaran.

Katanya, kerajaan melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), akan terus berusaha memodenkan peraturan-peraturan berkaitan perniagaan bagi melonjak produktiviti dan daya saing negara.

Mesyuarat berkenaan juga bersetuju memperkukuhkan pelaksanaan MyMudah di semua kementerian, agensi Persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta persatuan perniagaan.

Selain itu, program uji kaji peraturan yang dikelola oleh Unit-Unit MyMudah dirancang

kan dengan sasaran penyelesaian isu dalam tempoh 60 hari berbanding dengan 6 hingga 12 bulan sebelum ini.

Jelas Perdana Menteri, temuduga pekerja asing akan dilaksanakan di negeri-negeri berbanding hanya di pusat sehenti (OSC) Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya dan kerajaan akan memperkasakan OSC melibatkan semua kementerian dan agensi berkaitan proses kemaskin pekerja asing.

Seterusnya, bagi menangani isu kekurangan tenaga kerja mahir yang serius dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), kerajaan bersetuju melaksanakan 'Program Train & Place untuk Jurutera & Juruteknik' kepada 1,000 jurutera dan 1,000 juruteknik dan memperbaiki serta mempercepat mekanisme pengambilan ekspatriat dan pekerja asing.

"Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan menyelaras dengan Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA) untuk segera menangani isu kekurangan tenaga kerja ini.

"Kerajaan komited terhadap kajian yang berdaya maju dan berpotensi untuk dimanfaatkan secara strategik mendepani cabaran global bagi menjamin ekosistem sekuriti makanan lebih inklusif dan menyeluruh demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Angkasa sasar 100 koperasi terlibat ternakan ayam

Projek itu mampu mengeluarkan sebanyak 30 juta ekor ayam daging dalam tempoh setahun

Oleh NOR AZURA
MD AMIN
KULAI

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) menyasarkan 100 koperasi terlibat dalam industri ternakan ayam bagi membolehkan pengeluaran sebanyak 30 juta ekor ayam daging dalam tempoh setahun.

Presidennya, Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pembabitian koperasi dalam industri agromakanan itu dapat meningkatkan skala penternakan dan menambah jumlah pengeluaran bekalan ayam di pasaran.

Katanya, Angkasa akan membantu ahlinya membina 100 ekor reban ayam dalam masa terdekat bagi memulakan projek ternakan secara ladang kontrak.



Majlis MoU antara Angkasa yang diwakili Abdul Fattah (dua dari kiri) dan Mars Global Sdn Bhd di Kulai pada Isnin.

“Setakat ini sudah ada 19 koperasi yang mengusahakan penternakan ayam secara kecil-kecilan dengan pengeluaran kira-kira 5,000 ekor ayam daging sebulan.

“Bagaimanapun, seruan kerajaan supaya koperasi menceburi bidang ternakan ayam, kita akan sahut dan lakukannya secara besar-besaran dengan membantu mereka tingkatkan kapasiti sehingga mampu mengeluarkan 50,000 ekor ayam daging sebulan.

“Kita juga akan mengerahkan usaha membina 100 lagi reban yang akan diusahakan oleh 100 koperasi sama ada

di negeri ini atau negeri lain,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis M e n a n d a t a n g a n i Memorandum Persefahaman (MoU) antara Angkasa Koperasi Negeri Johor dan Syarikat Global Mars Sdn Bhd bagi membuka ruang kerjasama kepada koperasi untuk pembangunan perniagaan industri ayam halal pada Isnin.

Hadir sama, Pengerusi Angkasa Johor, Sazali Abd Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif Mars Global Sdn Bhd, Mohd Norulhizam Mohd Ramli.

Menurut Abdul Fattah, Angkasa akan memohon ke-

pada kerajaan Johor untuk memperuntukkan sebanyak 25 lot tanah untuk mengusahakan ternakan ayam daging berskala besar.

“Kita memerlukan antara 2.83 hingga 4.04 hektar tanah setiap lot bagi membina reban ayam berkapasiti tinggi itu supaya penternakan ayam skala besar ini diusahakan koperasi dapat dimulakan,” katanya.

Pada 31 Mei lalu, kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM500 juta di bawah Skim Agro Food Facilities bagi menggalakkan pengeluaran bahan makanan yang diuruskan koperasi berasaskan agromakanan.

Sasar 100 koperasi keluarkan 30 juta ayam daging setahun

Kulai: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 100 koperasi terbahit dalam industri ternakan ayam dengan pengeluaran kira-kira 30 juta ayam daging setahun menjelang tahun depan.

Presiden Angkasa Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu diambil sejajar dengan permintaan pengguna yang meningkat, sekali gus menyahut hasrat kerajaan yang mahu koperasi bergiat aktif dalam mengusahakan ternakan ayam.

Sehubungan itu, Abdul Fattah yang juga Presiden Asean Co-operative Organization (ACO) berkata, Angkasa akan membantu ahlinya membina 100 reban dalam masa terdekat bagi memulakan segera penternakan ayam secara ladang kontrak berskala besar.

"Sebenarnya, sudah ada 19 koperasi yang mengusahakan penternakan ayam secara kecil-kecilan dengan pengeluaran kira-kira 5,000 ekor ayam daging sebulan namun dengan seruan kerajaan supaya koperasi menceburi bidang ternakan ayam, kita akan sabut dan lakukannya secara besar-besaran.

"Angkasa akan membantu 19 koperasi ini bagi memperkasakan mereka ke kapasiti tinggi yang mampu mengeluarkan 50,000 ekor ayam daging sebulan.

"Kita juga akan menggerakkan usaha membina 100 lagi reban yang akan diusahakan 100 koperasi

sama ada di negeri ini atau negeri lain.

"Bagi koperasi yang mempunyai tanah, proses pembinaan reban akan segera dimulakan. Angkasa juga akan memohon kepada kerajaan Johor untuk memperuntukkan 25 plot tanah yang diikhaskan untuk mengusahakan Bank Makanan negeri bagi diusahakan penternakan ayam daging berskala besar.

"Kita memerlukan antara 2.83 hingga 4.04 hektar tanah setiap plot bagi membina reban ayam berkapasiti tinggi itu supaya penternakan ayam skala besar ini diusahakan koperasi dapat dimulakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Angkasa, Koperasi Negeri Johor dan Syarikat Mars Global Sdn Bhd semalam bagi membuka ruang kerjasama kepada koperasi untuk pembangunan perniagaan industri ayam halal.

Hadir sama Pengerusi Angkasa Johor Sazali Abd Hamid dan Penasihat Mars Global Sdn Bhd Khairul Rizam Othman.

Pada 23 Mei lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan mengesyorkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), agensi kerajaan, pertubuhan peladang, dan koperasi terbahit dalam penternakan ayam bagi mengurangkan ketergantungan kepada syarikat pengeluaran ayam besar.



ABDUL Fattah (kiri) bertukar dokumen memorandum bersama Ketua Pegawai Eksekutif Mars Global Sdn Bhd, Mohd Norulhizam Mohd Ramli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	THE SUN	MUKA DEPAN	1

Severe water risk

BY **ELY FAZANZA**
 newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia's ability to ensure food security through its homegrown agriculture sector is getting bleaker by the day, no thanks to the country's serious water pollution, which has put the agriculture sector at "severe risk", said think-tank Emir Research president and CEO Datuk Dr Rais Hussin.

He said the country's agricultural water risk is rated at 5, which is the highest level.

This score indicates serious water pollution, and is well above the world average risk score of 3.3, according to the Global Food Security Index 2021.

"Malaysia's score critically impacts our ability to produce food through the local agriculture sector because 70% of the country's water resources are for agriculture. In short, our ability to produce food through our agriculture sector is facing severe risk."

Rais said strong political will was required to ensure our vulnerability to external forces is mitigated.

"We should not only aim to be self-sufficient in the areas where we're lacking, but also in critical commodities such as chicken feed, where our poultry

► With 70% of country's water used for agriculture, existing severe pollution puts efforts to ensure food security in jeopardy

farmers have been badly affected due to supply chain issues, and cost-push inflation, which is caused by an increase in prices of labour, raw materials and others," he told *theSun*.

He said this was in addition to our dependence on food imports, which in 2020 amounted to a record RM55.5 billion to meet consumer needs and demands, according to the Statistics Department.

Rais was commenting on how the country could improve food security, given that the inflation rate in March was at 2.2%, while food inflation was at 4%.

He proposed that the government designate a special agricultural zone in every state as an "anchor" food production park that integrates farming and breeding to build a food security net for Malaysians.

"The park would allow each state to

specialise in the farming of certain vegetables and fruits to further boost our self-sufficiency levels so that there is a sufficient buffer for exports to ensure adequate domestic supply and reduce net imports."

Rais said having a circular economy would help to deploy technology to recycle waste water into potable and treated water like in Singapore.

"Additionally, we need to harness technology to convert saline water into potable water like in Singapore and pass legislation to protect and conserve water catchment areas to ensure they are not converted for development purposes.

"This would contribute to ensuring cleaner water."



Turn to
 page 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3

Agri-based policy needed to provide aid to farmers

He said Malaysia's agro-food supply chain could include promoting contract farming and smart precision farming, or agri-technology, which involves the use of the Internet of Things and automation to control and monitor farming processes - from fertigation to pesticide spraying and harvesting. "Agri-technology would ensure input

costs are more efficient and effectively applied, while simultaneously boosting yields," he said.

Meanwhile, economist Tan Sri Ramon Navaratnam recently said a rigorous agriculture-based policy was essential to provide new subsidies to farmers to ensure the country does not fall behind in food security.

"We need to refocus on policies that are agriculture-driven since we have neglected them and focused on the manufacturing industry.

"The introduction of approved permits (that has since been abolished) made the situation worse, and giving food production contracts to non-performers aggravated matters," said Ramon.

From
front
page



Abdul Fattah (second from right) and Mars Global Sdn Bhd (Mars Global) chairman Abdul Hadi Abdullah (fourth from left) visiting the fresh chicken processing centre after the MoU signing yesterday. - **BERNAMAPIX**

Angkasa hatching 100 co-ops for poultry farming

KULAI: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) aims to create 100 cooperatives for the halal poultry industry in the country.

Its president Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah said henceforth, a minimum of 100 coops could be built each with a capacity of raising 50,000 chicken, thus contributing to the annual production of about 30 million birds.

He said the effort could increase the involvement of the cooperative movement in the field of agro-food and is in line with the government's intention to see the sector contribute RM100 billion to the GDP by 2030.

"We have seven million cooperative members nationwide. In terms of marketing, we will provide at least 3,000 outlets under the

JUMAT SHOP Angkasa store flagship and we have identified 6,000 mosques that can be outlets.

"For us, the question of where to sell is not an issue, so long as this effort can be implemented to fruition," he said at a press conference after witnessing the signing of a MoU between Angkasa, Koperasi Negeri Johor and Mars Global Sdn Bhd yesterday.

Also present were Johor Angkasa chairman Sazali Abd Hamid and Mars Global Sdn Bhd CEO Mohd Norulhizam Mohd Ramli.

Abdul Fattah said the cooperative could be set up through collaboration with chicken suppliers such as Mars Global Sdn Bhd in Johor through contract farms.

He said however, support from the state

must be forthcoming in starting up the farm.

"We have to negotiate with the state government to secure a plantation area (for example, to set up) four coops which will require seven to 10 acres of land. If it can be done, the cooperative can expedite this effort and get the farm up and running," he said.

He said the government's allocation of RM500 million in agro-food fund offered to entrepreneurs would help the poultry farms to materialise.

"So I really hope the cooperatives can use this space and opportunity and request the government to channel this allocation to the cooperative movement, seeing the benefits that will impact the community and the national economy," he said. - Bernama